Bilangan pengiktirafan merujuk kepada bilangan pengiktirafan yang diperolehi Politeknik dan Kolej Komuniti yang disasarkan untuk menerima atau menjalani proses pengiktirafan atau akreditasi yang ditetapkan kecuali akreditasi wajib dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Pengiktirafan bermaksud penerimaan satu-satu kelayakan/pengakreditasi oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan tertentu. Badan/agensi merujuk kepada mana-mana badan mengawal, menyelia dan mengesahkan standard/kriteria penilaian yang ditetapkan dan akan menjalankan tugas penilaian terhadap pematuhan institusi kepada standard berkenaan. Contohnya seperti ISO-SIRIM, APACC, CDIO, IMO, CILT, *Adobe International*, *City and Guilds*, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Pusat Bertauliah, Pusat Latihan HRDF dan lain-lain.

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
50	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT

Nota:

1. SIT : Semua Institusi Terlibat
2. Terbuka kepada institusi mendapatkan pengiktirafan mengikut perancangan takwim tahunan institusi

Justifikasi :

Sasaran ini adalah dikira secara kumulatif dan berdasarkan pengiktirafan yang masih sah pada tahun semasa.

Agensi pemberi pengiktirafan: SIRIM, MAMPU, APACC, CDIO, IMO, CILT, Adobe International, City and Guilds, JPK (Pusat Bertauliah), HRDF dan lain-lain.

Sasaran ini mengambilkira kesediaan pengoperasian institusi berkenaan, jumlah staf dan pelajar, kemantapan dalam aspek jaminan kualiti serta faktor kos.

Kaedah Pengukuran :

- i. Pengukuran melibatkan institusi yang telah melalui proses audit pada tahun dinilai.
- ii. Pengukuran ini perlu menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh badan/agensi pengiktiraf.
- iii. Pengiraan ini juga termasuk bagi institusi yang telah melalui proses audit pada tahun dinilai tetapi keputusan tidak diumumkan pada tahun berkenaan.



Dokumen Bukti :

Laporan Status Pencapaian KPI Tahun 2021

Pelaporan melalui Sistem PERSIST :

Pemilik Proses di JPPKK

Pegawai Bertanggungjawab :

Pegawai Jaminan Kualiti di institusi

Tren Pencapaian :

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN (KUMULATIF)
2018	15	15
2019	17	17
2020	20	32**

Nota :

**Pencapaian bagi KPI tahun 2020 dikemaskini sehingga bulan Oktober 2020.

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Pernyataan KPI :

Bilangan *Centre Of Technology* (COT) Politeknik diiktiraf mendapat penarafan 2 bintang.

Definisi Operasi :

KPI ini menyasarkan bilangan *Centre Of Technology* (COT) Politeknik yang telah diiktiraf mencapai penarafan 2 bintang daripada 3 bintang. Penilaian ini dilaksanakan secara penilaian sendiri oleh setiap COT terhadap tujuh (7) elemen utama COT iaitu Kolaborasi, Penyelidikan dan Inovasi, Perkhidmatan Kepakaran, Penerbitan, Pengiktirafan, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan Penjanaaan Pendapatan mengikut kaedah pengukuran yang ditetapkan. BPPI akan menentusahkan hasil penilaian ini berdasarkan kepada keperluan.

Definisi COT Politeknik diiktiraf:

COT di Politeknik yang telah melalui proses Audit Penilaian Panel Penilai Luar dan mendapat markah pencapaian melebihi/sama dengan 80% serta mendapat pengesahan kelulusan pengiktirafan dari Mesyuarat Pengurusan JPPKK.

Institusi yang telah memperolehi Pengiktirafan COT dan terlibat dengan pengukuran ini adalah:

1. PUO - *Centre Of Technology* in Marine Engineering (CTME)
2. PUO - *Centre Of Air-conditioning and Refrigeration* (CARE)
3. PSA - *Centre for Medical Electronic Technology* (CMET)
4. PIS - *Creative Design Centre* (CDeC)
5. PSAS - *Centre Of Automotive and Manufacturing Technology* (POLCAM)
6. POLISAS - *Centre Of Food Science and Technology* (CFoST)
7. POLIMAS - *Centre Of Town and Regional Planning* (CToP)
8. PPD - *Centre Of Architectural Technology* (CArT)
9. PTSB - *Mechatronic Robotic Technology Centre* (MRTC)
10. PMM - *Centre Of Tourism and Hospitality* (CeTraH)
11. PSIS - *Centre Of Environmental Technology* (CENTA)

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
7	BIT	BIT	ITT	ITT	ITT	ITT

Nota:

1. BIT : Sebahagian Institusi Terlibat
2. ITT : Institusi Tidak Terlibat

Justifikasi :

Penetapan sasaran adalah berdasarkan prestasi pada tahun 2020 bagi COT Politeknik diiktiraf yang sedikit terjejas kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan penularan pandemik COVID-19. Sehubungan itu, bagi sasaran tahun 2021, BPPI hanya mensasarkan tujuh (7) daripada COT Politeknik diiktiraf yang dijangka akan berpotensi mencapai penarafan 2 bintang

Kaedah Pengukuran :

Setiap COT Politeknik diiktiraf perlu menghantar Laporan Pelaksanaan Aktiviti *Centre Of Technology* (COT) Politeknik kepada Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK. BPPI akan menentusahkan samada COT tersebut berjaya mendapat pencapaian penarafan 2 bintang berdasarkan laporan tersebut.

Indeks Petunjuk Penarafan Bintang seperti jadual berikut:

3 Bintang	2 Bintang	1 Bintang
≥ 90%	≥ 80%	≥ 50%
Mencapai tahap AdCOT (<i>Advanced Centre of Technology</i>) yang diperaku oleh JPPKK dalam tempoh prestasi tiga (3) tahun berturut-turut dan diaudit oleh panel luar.	Kelulusan JPPKK selepas diperakukan oleh panel luar	Berdaftar dengan JPPKK dan mem perolehi Sijil Pendaftaran COT.

Elemen Penilaian dan Pemberatan Markah:

BIL	ELEMEN	MARKAH MAKSIMUM
1.	Kolaborasi	20
2.	Penyelidikan dan Inovasi	40
3.	Perkhidmatan Kepakaran	
4.	Penerbitan	20
5.	Pengiktirafan	
6.	Pengajaran dan Pembelajaran	20
7.	Penjanaan Pendapatan	

*Maklumat terperinci pengukuran perlu dirujuk di dalam Garis Panduan Pelaksanaan *Centre Of Technology* (COT) Politeknik Edisi 2020.

Dokumen Bukti :

Laporan Pelaksanaan Aktiviti *Centre Of Technology* (COT) Politeknik (Sila rujuk Garis Panduan Pelaksanaan *Centre Of Technology* (COT) Politeknik Edisi 2020).

Pelaporan melalui Sistem PERSIST :

Pemilik Proses di JPPKK

Pegawai Bertanggungjawab :

PUO, PIS dan PSA: Pegawai Pembangunan Teknologi

PSAS, POLISAS, POLIMAS, PPD, PTSB, PMM dan PSIS: Pengurus *Centre Of Technology* (COT)

Tren Pencapaian :

Terdapat perbezaan tren pencapaian bagi tahun 2018 sehingga 2020 kerana pernyataan yang berbeza-beza seperti di bawah:

- 2018 : Bilangan COT yang diiktiraf
- 2019 : Bilangan institusi yang menjadi rujukan dalam bidang COT
- 2020 : Bilangan COT di institusi yang menjadi rujukan agensi luar

Sehubungan itu, terdapat perbezaan pencapaian KPI pada setiap tahun. Sasaran KPI pada tahun 2021 turut berubah dengan mensasarkan bilangan COT Politeknik diiktiraf mendapat penarafan 2 bintang. Sasaran dan pencapaian bagi KPI ini bagi tahun sebelum adalah:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	8	8
2019	8	5
2020	9	9**

Nota :

**Pencapaian bagi KPI tahun 2020 dikemaskini sehingga bulan Oktober 2020.

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Pernyataan KPI :

Bilangan kertas strategik/polisi/amalan terbaik di peringkat kementerian/kebangsaan/antarabangsa pada tahun semasa.

Definisi Operasi :

KPI ini mensasarkan bilangan Kertas Strategik/Kertas Polisi/Kertas Amalan Terbaik di peringkat kementerian/kebangsaan/antarabangsa yang disediakan oleh bahagian-bahagian di jabatan pada tahun semasa.

Kertas Strategik merujuk kepada kertas yang menerangkan halatuju strategik dan inisiatif yang telah dirancang untuk mencapai matlamat kementerian dan jabatan dalam mendepani isu dan cabaran masa hadapan. Kertas ini diterima dan diambilkira selepas mendapat kelulusan di peringkat kementerian atau kabinet. Contoh Kertas Strategik ialah RMKe-12 (TVET).

Kertas Polisi merujuk kepada kertas yang merangkumi rancangan serta tindakan yang telah dipersetujui secara rasmi sebagai asas untuk membuat atau melaksanakan sesuatu keputusan dasar kerajaan. Kertas ini diterima dan diambilkira selepas mendapat kelulusan di peringkat kementerian atau kabinet. Contoh Kertas Polisi ialah Mengubah Destini Anak India Malaysia (MDAIM).

Kertas Amalan Terbaik merujuk kepada kertas yang disediakan bagi tujuan perkongsian di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

- i) Peringkat kebangsaan bermaksud pembentangan dalam negara yang melibatkan penganjuran dan penyertaan institusi/jabatan/agensi kerajaan atau swasta (selain Politeknik dan Kolej Komuniti).
- ii) Peringkat antarabangsa bermaksud pembentangan di luar negara yang melibatkan penganjuran dan penyertaan institusi/badan/agensi dari luar negara.

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
5	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT

Nota:

ITT : Institusi Tidak Terlibat

Justifikasi :

KPI baharu ini diwujudkan dengan mengambil kira keperluan Teras 2 iaitu Memantapkan Governan Yang Responsif Dan Mampan daripada Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti yang ditetapkan oleh JPPKK.

Kaedah Pengukuran :

Jumlah kertas strategik/polisi/amalan terbaik yang dikira pada tahun yang dinilai (1 Januari – 31 Disember)

Dokumen Bukti :

Laporan Rumusan Kertas strategik/Polisi/Amalan Terbaik

Pelaporan melalui Sistem PERSIST :

Pemilik Proses di JPPKK

Pegawai Bertanggungjawab :

Pegawai Penyelaras KPI BKT VET

Tren Pencapaian :

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	1
2019	-	6
2020	-	7**

Nota :

**Pencapaian dikemaskini sehingga bulan Oktober 2020

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Pernyataan KPI :

Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa

Definisi Operasi :

KPI ini menyasarkan bilangan program/aktiviti/majlis yang dilaksanakan di peringkat jabatan/institusi. Empat (4) elemen bagi promosi dan publisiti untuk pegawai perhubungan awam di jabatan/institusi terdiri daripada:

- i) Temubual/Hebahan/Penulisan Artikel di Media Konvensional (Televisyen, Radio dan Surat Khabar)
- ii) Program jelajah pendidikan/pameran promosi institusi
- iii) Penerbitan (poster, infografik, video, buletin, coffee table book)
- iv) Program khas/lawatan/kunjungan hormat

Setiap program/aktiviti yang dilaksanakan perlu dihebah melalui media sosial rasmi jabatan/institusi.

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
10,440						
100 (UKK)	100	80	60	100	80	60

Nota:

10,440 adalah sasaran keseluruhan bagi jabatan dan institusi

Justifikasi :

Sasaran yang diberikan berdasarkan kepada tren pencapaian tiga tahun sebelum.

Kaedah Pengukuran :

Kaedah pengukuran adalah berdasarkan bilangan program/aktiviti yang dihebahkan.

Sekiranya program/aktiviti berulang, kaedah pengukuran adalah mengambilkira satu sahaja. Sebagai contoh Program Pilihanraya Kampus yang telah dimuatnaik hebahan lebih dari sekali, kiraan bagi KPI adalah satu program sahaja.

Hebahan/promosi daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang dimuatnaik/dikongsi oleh institusi juga tidak akan diambilkira.

Pegawai Bertanggungjawab perlu menghantar dokumen rumusan dan pelaporan bulanan kepada Penyelaras KPI sebagai dokumen bukti pencapaian. Format rumusan pelaporan bulanan ini telah diedarkan kepada setiap PRO di institusi.

Dokumen Bukti :

Rumusan Pelaporan Bulanan

Pelaporan melalui Sistem PERSIST :

Pemilik Proses di JPPKK dan Penyelaras KPI di institusi

Pegawai Bertanggungjawab :

JPPKK : Pegawai Penyelaras KPI UKK

Institusi : Pegawai Perhubungan Awam (PRO)

Tren Pencapaian :

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	1,500	5,656
2019	41*	9,995
2020	60*	9,391**

Nota :

* Sasaran keseluruhan bagi jabatan dan institusi bagi tahun 2019 adalah 3,795 bilangan program/aktiviti yang dihebahkan manakala bagi tahun 2020 adalah 2,904 program/aktiviti yang dihebahkan.

**Pencapaian bagi KPI tahun 2020 dikemaskini sehingga bulan Oktober 2020.

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Pernyataan KPI :

Peratus prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukan Pembangunan (P64) yang dicapai oleh jabatan pada tahun semasa.

Definisi Operasi :

Prestasi perbelanjaan peruntukan Pembangunan (P64) adalah berdasarkan kepada peratus jumlah perbelanjaan sebenar berbanding jumlah peruntukan yang disalurkan pada tahun semasa (Waran P64) kepada jabatan dan institusi sebagai agensi yang melaksanakan projek pembangunan.

Sasaran pusat adalah prestasi perbelanjaan bagi jumlah keseluruhan peruntukan P64 yang disalurkan kepada JPPKK meliputi waran peruntukan di JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti sahaja.

Sasaran Pusat ditetapkan kepada 85% manakala perbelanjaan di institusi ditetapkan kepada **100%** (tidak termasuk tanggungan).

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
85%	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT

Nota:

1. SIT : Semua Institusi Terlibat

Justifikasi :

Perbelanjaan di institusi perlu mencapai sasaran **100%** berdasarkan kepada perbelanjaan waran peruntukan pembangunan. Prestasi perbelanjaan di jabatan termasuk institusi melibatkan keseluruhan prestasi perbelanjaan peruntukan Pembangunan (P64) Kementerian Pengajian Tinggi.

Kaedah Pengukuran :

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus prestasi adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator : Belanja JANM.
Denominator : Jumlah Peruntukan Waran P64.

Dokumen Bukti :

Laporan bulanan daripada sistem iGFMAS (Laporan VOT)

Pelaporan melalui Sistem PERSIST :

Pemilik Proses di JPPKK

Pegawai Bertanggungjawab :

Politeknik: Pengurus Projek Rancangan Malaysia
Kolej Komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan

Tren Pencapaian :

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	100%	100%
2019	100%	99.1%
2020	70%	84.94%**

Nota :

**Pencapaian bagi KPI tahun 2020 dikemaskini sehingga bulan Oktober 2020.

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Pernyataan KPI

Peratus prestasi perbelanjaan mengurus 99% bagi tahun semasa.

Definisi Operasi:

KPI ini menasaskan pengumpulan data perbelanjaan mengurus mengikut bulanan bagi mengukur prestasi perbelanjaan secara keseluruhan. Julat peratusan minimum bagi setiap bulan adalah 8.33% dan mencapai minimum 50% pada pertengahan tahun.

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
99%	99%	99%	99%	99%	99%	99%

Justifikasi:

Pemantauan ini membantu memastikan peruntukan mengurus yang diterima pada setiap tahun dapat dibelanjakan sepenuhnya dengan berkesan.

Kaedah Pengukuran:

Data diperolehi dengan merujuk kepada Laporan Prestasi Perbelanjaan yang diambil daripada Vot dana iGFMAS

- i. Pemantauan
Pemantauan dalam aspek pengumpulan data dibuat pada 30 Jun dan akhir tahun selepas penutupan akaun
- ii. Pelaporan
Menggunakan Laporan Vot Dana daripada sistem iGFMAS

Dokumen Bukti:

Laporan Vot Dana B64 akhir tahun selepas penutupan akaun yang diambil dari sistem Igfmas

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di JPPKK dan Penyelaras KPI di institusi

Pegawai Bertanggungjawab:

JPPKK: Pegawai Penyelaras KPI BKP

Institusi: Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan

Tren Pencapaian :

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	99%	98.1%
2019	99%	99.6%
2020	99%	**

Nota :

**Data pencapaian bagi KPI tahun 2020 belum dikemaskini ketika kamus ini sedang dibuat.

FREKUENSI PELAPORAN : SUKUAN

TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Pernyataan KPI

Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima.

Definisi Operasi:

Pembayaran bil dan tuntutan perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada dokumen lengkap diterima. Pengiraan bil dan tuntutan tujuh (7) hari adalah berdasarkan seperti berikut:

- i) Sistem ePerolehan : Daripada tarikh invois dikuncimasuk oleh pembekal sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80)
- ii) Sistem iGFMAS : Daripada tarikh terima di kewangan bagi dokumen lengkap dan sempurna sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80)

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%

Justifikasi:

Semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar dengan segera tidak melebihi tujuh (7) hari daripada tarikh diterima dengan lengkap dan sempurna bagi mengelakkan isu pembayaran bil melebihi 14 hari yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 103(a) (AP103(a)).

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus pembayaran bil adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator : Bilangan bil yang tidak melebihi tujuh (7) hari.

Denominator : Jumlah keseluruhan bil.

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui sistem iGFMAS secara sukuan yang perlu dicetak oleh institusi dan dimuatnaik dalam Sistem PERSIST adalah seperti berikut:

Suku 1 – 1 Januari – 31 Mac

Suku 2 – 1 Januari – 30 Jun

Suku 3 – 1 Januari – 30 September

Suku 4 – 1 Januari – 17 Disember

Bagi institusi yang mempunyai bil dan tuntutan melebihi 14 hari secara automatik tidak akan divalidasi kerana telah melanggar AP103(a) kecuali institusi mempunyai justifikasi yang kukuh di mana justifikasi tersebut telah diterima oleh pihak kementerian. Dokumen bukti yang perlu dimuatnaik adalah seperti berikut:

1. Surat justifikasi kelewatan institusi bersama dokumen sokongan yang dihantar kepada kementerian; dan
2. Surat jawapan daripada kementerian berkaitan justifikasi tersebut

Dokumen Bukti :

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui sistem iGFMAS

Pelaporan melalui Sistem PERSIST :

Pemilik Proses di JPPKK dan Penyelaras KPI di institusi

Pegawai Bertanggungjawab :

JPPKK: Pegawai Penyelaras KPI BKP

Institusi: Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan

Tren Pencapaian :

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	100%	99.35%
2019	100%	99.65%
2020	100%	96.99**

Nota :

**Data pencapaian bagi KPI tahun 2020 belum dikemaskini ketika kamus ini sedang dibuat.

FREKUENSI PELAPORAN : SUKUAN

TERAS 3 : PEMERKASAAN BAKAT

Pernyataan KPI :

Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi yang memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.

Definisi Operasi:

Kemahiran industri diukur berdasarkan perkara berikut:

- i. Pensyarah teras bidang melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya 30 hari dalam tempoh 2 tahun; atau
- ii. Pensyarah mempunyai Kelayakan/Sijil Profesional atau Sijil Industri

Catatan:

- a. Bagi Kelayakan/Sijil Profesional atau Sijil Industri adalah diambil kira sijil pengiktirafan yang masih sah tempoh pada 31 Disember 2021.
- b. Pensyarah teras bidang:
 - i. Di Politeknik - adalah pensyarah yang ditempatkan di Jabatan Akademik Induk (selain Jabatan Matematik, Sains dan Komputer serta Jabatan Pengajian Am) untuk mengajar kursus-kursus teras dalam satu-satu program pengajian;
 - ii. Di Kolej Komuniti – adalah penyandang waran perjawatan “Pensyarah” dan bukannya “Pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat”
- c. Kelayakan Profesional adalah pengiktirafan yang dianugerahkan oleh Badan Profesional seperti Lembaga Jurutera dan sebagainya.
- d. Sijil Profesional adalah sijil yang dikeluarkan oleh Badan Profesional seperti Microsoft, DOSH, PBSM,PADI dan sebagainya.
- e. Sijil Industri adalah sijil kompetensi khusus yang dikeluarkan oleh industri yang diperakui oleh JPPKK seperti Bombardier, Schneider dan sebagainya.

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
35%	35%	35%	35%	35%	35%	35%

Justifikasi:

Tenaga pengajar TVET yang berpengetahuan serta memiliki kemahiran industri merupakan keperluan badan-badan akreditasi. Sehingga Oktober 2020, 25% daripada keseluruhan pensyarah di institusi memiliki kemahiran industri

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung pencapaian KPI 13 adalah seperti berikut

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator : Jumlah pensyarah kursus teras bidang yang memiliki kemahiran industri pada tahun berkaitan

Denominator: Raten pengisian penjawatan pensyarah teras bidang bulan Januari tahun berkaitan.

Dokumen Bukti:

Penyelaras KPI hanya perlu memuat naik di Sistem PERSIST fail Rumusan Bahan Bukti yang telah disediakan oleh Pegawai Latihan Institusi. Manakala, Pegawai Latihan perlu menyediakan bahan bukti seperti jadual di bawah dalam laman sesawang (bukan Sistem PERSIST) yang disediakan oleh BKPK.

BIL	DEFINISI OPERASI	DOKUMEN BUKTI
1	Pensyarah teras bidang melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya 30 hari dalam tempoh 2 tahun	Sijil SIP/Surat Tamat LSI
2	Pensyarah teras bidang mempunyai Kelayakan/Sijil Profesional atau Sijil Industri	Sijil pengiktirafan yang masih sah tempoh pada 31 Disember 2021

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan Kolej Komuniti: Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf

Tren Pencapaian:

Nota :

Penyataan KPI ini merupakan penyataan yang baharu dimurnikan dan digunapakai mulai tahun 2021. Untuk tahun-tahun sebelum ini, penyataannya adalah "Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa".

Sasaran dan pencapaian bagi KPI ini bagi tahun sebelum adalah:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	5%	4.85%
2019	5%	10.46%
2020	3.5%	8.76%**

Nota :

**Pencapaian bagi KPI tahun 2020 dikemaskini sehingga bulan Oktober 2020

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 4 : PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Pernyataan KPI :

Peratus kurikulum program pengajian yang dibangunkan/disemak semula berdasarkan perancangan tahunan.

Definisi Operasi :

KPI ini mensasarkan pengumpulan data bagi mengukur peratus proses pembangunan atau semak semula kurikulum program pengajian/kursus pada tahun semasa.

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
75%	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT

Nota:

ITT : Institusi Tidak Terlibat

Justifikasi:

81 program pengajian (diploma dan ijazah) di Politeknik dan 63 program pengajian (sijil dan diploma) di Kolej Komuniti akan dipilih untuk dibangunkan/disemak semula berdasarkan perancangan tahunan. Namun begitu, terdapat program yang mengambil masa melebihi setahun bagi proses pembangunan/semakan semula.

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus kurikulum program pengajian yang dibangunkan/disemak semula adalah seperti berikut

$$\frac{\text{Peratus kurikulum program pengajian di Politeknik} + \text{Peratus kurikulum program pengajian di Kolej Komuniti}}{2} \times 100$$

Dokumen Bukti:

Rumusan

- Mesyuarat Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian & Program Latihan Politeknik
- Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kurikulum Kolej Komuniti

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di JPPKK

Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Penyelaras KPI BK

Tren Pencapaian:

Tiada tren pencapaian kerana KPI ini merupakan KPI baharu yang bermula tahun 2021

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 4 : PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Pernyataan KPI

Bilangan siri Webinar TVET berfokuskan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) TVET yang dilaksanakan secara dalam talian pada tahun semasa

Definisi Operasi:

Webinar TVET ini adalah inisiatif JPPKK untuk peningkatan profesionalisme warga akademik dan pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti. Ia dilaksanakan melalui satu platform dalam talian yang membenarkan perkongsian amalan terbaik PdP berlaku dengan melibatkan pakar teknologi pendidikan dan pedagogi yang terkemuka dari dalam dan luar negara.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
2	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT

Nota:

ITT : Institusi Tidak Terlibat

Justifikasi:

Setiap satu (1) siri Webinar TVET akan dilaksanakan sebelum semester baharu bermula. Maka dua (2) siri Webinar TVET akan dilaksanakan sepanjang tahun berkenaan.

Kaedah Pengukuran:

Setiap siri Webinar TVET perlu mempunyai sepuluh (10) slot perkongsian. Setiap slot perkongsian tidak kurang daripada 1 jam.

Dokumen Bukti:

Laporan siri Webinar TVET

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di JPPKK

Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Penyelaras KPI BIPD

Tren Pencapaian:

Tiada data tren pencapaian kerana KPI ini merupakan KPI baharu yang bermula pada tahun 2021

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 4 : PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Pernyataan KPI :

Bilangan program pengajian yang diintegrasikan mengikut model intra-programme, inter-programme atau inter-institution.

Definisi Operasi :

Model integrasi program adalah seperti berikut:

- i. Intra-programme: dua atau lebih kursus di dalam program yang sama diintegrasikan aktiviti serta penilaian PdP di dalam satu projek.
- ii. Inter-programme: dua atau lebih program pengajian diintegrasikan aktiviti serta penilaian PdP di dalam satu projek
- iii. Inter-institution: dua atau lebih institusi diintegrasikan aktiviti serta penilaian PdP di dalam satu projek

Perlaksanaan Integrated Learning Experience (ILE) ini memberi peluang kepada para pelajar dari pelbagai kursus/program/institusi untuk menggembeng kemahiran personal, interpersonal, dan teknikal masing-masing, dalam membangunkan produk, perkhidmatan atau sistem. Dalam pelaksanaan integrated learning experience, aktiviti PdP serta penilaian pelajar dari pelbagai kursus/program/institusi diintegrasikan di dalam satu projek.

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
18	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT

Nota:

- 1. BIT : Sebahagian Institusi Terlibat
- 2. Institusi yang terlibat akan dimaklumkan oleh BK

Justifikasi:

Program-program pengajian peringkat diploma dan ijazah di Politeknik, serta program-program pengajian peringkat sijil dan diploma di Kolej Komuniti yang terpilih sebagai 4iR *Flagships* atau yang menepati kriteria, akan dipilih untuk melaksanakan *integrated learning experience* mengikut model *intra-programme*, *inter-programme* atau *inter-institution*.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan program diukur secara kumulatif berdasarkan kepada Unjuran RMK11 (2016-2020) yang mensasarkan sebanyak 15 program pengajian sepanjang tempoh tersebut dan pertambahan sebanyak tiga program lagi pada tahun 2021.

Dokumen Bukti:

Rumusan Laporan Pelaksanaan *Integrated Learning Experience* di peringkat jabatan

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di JPPKK

Pegawai Bertanggungjawab :

Pegawai Penyelaras KPI BK

Tren Pencapaian:

Penyataan KPI ini merupakan penyataan yang baharu dimurnikan dan digunapakai mulai tahun 2021. Untuk tahun-tahun sebelum ini, penyataannya adalah “Bilangan program pengajian yang menggunakan kurikulum bersepadu (*integrated curriculum*) melalui kerangka *Conceive, Design, Implement and Operate* (CDIO)”. Sasaran dan pencapaian bagi KPI ini bagi tahun sebelum adalah:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	3	3
2019	3	1
2020	3	5**

Nota :

**Pencapaian bagi KPI tahun 2020 dikemaskini sehingga bulan Oktober 2020

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 4 : PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Pernyataan KPI :

Bilangan pensyarah yang dilantik sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRiP) mengikut program pengajian pada tahun semasa

Definisi Operasi :

Pensyarah berkemahiran dalam pembinaan item penilaian yang ditauliahkan oleh JPPKK; dilengkapi dengan kompetensi diperlukan dalam memenuhi syarat am yang ditetapkan seperti berikut:

KOMPETENSI	SYARAT
Pengetahuan <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Outcome Based Education</i> (OBE) <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Outcome Based Assessment</i> (OBA) ii. <i>Constructive Alignment</i> (CA) iii. <i>Learning Domain</i> (<i>Cognitive</i> (C), <i>Psychomotor</i> (P), (A)) iv. Taksonomi v. Analisa Hasil Pembelajaran (CLOPLO) vi. CQI (<i>Continuous Quality Improvement</i>) 2. Pembinaan Item Penilaian Berkualiti <ol style="list-style-type: none"> i. Prinsip Penilaian Item ii. Pembinaan Item (dalam mencapai CLO yang disasarkan) iii. Item objektif & subjektif iv. Peraturan pemarkahan (skema pemarkahan & rubrik) Nilai, Sikap & Profesionalisme <ol style="list-style-type: none"> i. Berpengetahuan luas dalam bidang pengukuran dan penilaian ii. Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas iii. Berkepimpinan, berwibawa serta mengamalkan nilai-nilai murni dan positif 	Syarat Am: <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh perkhidmatan 5 tahun 2. PPPT Gred 44 dan ke atas 3. Pensyarah bidang ATAU <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh perkhidmatan 10 tahun 2. Pensyarah bidang Syarat Khusus: <ol style="list-style-type: none"> 1. Berkemampuan melaksanakan sesi latihan 2. secara dalam talian Telah memberi latihan dalam bidang berkaitan penilaian Syarat Khas: (penawaran program baharu) <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh perkhidmatan 1 tahun 2. PPPT Gred 41 dan ke atas 3. Pensyarah bidang *Sekiranya syarat am tidak dapat dipenuhi, maka rujuk syarat khas

Nota:

Program pengajian pada tahun semasa adalah tidak mengambil kira program baharu 3 tahun dan ke bawah

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
30	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT

Nota:

1. BIT : Sebahagian Insititusi Terlibat
2. Institusi yang terlibat akan dimaklumkan oleh BPN

Kaedah Pengukuran:

Bilangan PRiP adalah berdasarkan bilangan program yang ditawarkan di institusi (1 program = 1 PRiP). Pelantikan PRiP merujuk kepada kelayakan kompetensi seperti yang dinyatakan pada bahagian Definisi Operasi dan pembuktian dokumen adalah seperti berikut:

- i. Surat lantikan PRiP oleh JPPKK
- ii. Surat penyertaan kursus/latihan anjuran BPN
- iii. Surat sebagai penceramah pembinaan item penilaian di institusi
- iv. Laporan maklum balas peserta bengkel di institusi

Justifikasi:

Bilangan pertambahan adalah 30 orang setahun. Sasaran sehingga tahun 2025 adalah 140 orang berdasarkan kepada program pengajian semasa yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Dokumen Bukti:

Laporan maklumat dan program PRiP

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di JPPKK

Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Peperiksaan di institusi

Tren Pencapaian:

Tiada data tren pencapaian kerana KPI ini merupakan KPI baharu yang bermula pada tahun 2021

FREKUENSI PELAPORAN : TAHUNAN

TERAS 4 : PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Pernyataan KPI

Peratus bilangan kursus peperiksaan akhir yang digubal secara dalam talian.

Definisi Operasi:

KPI ini menasarkankan peratusan bilangan kursus peperiksaan akhir yang digubal oleh pensyarah Politeknik menggunakan sistem EBOS@polycc bagi program diploma Politeknik pada tahun semasa.

Sistem ini merupakan sistem pembangunan soalan yang dijalankan secara dalam talian. Pemilik Proses memantau proses pengubalan soalan peperiksaan akhir dan data melalui statistik sistem.

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
10%	BIT	BIT	BIT	ITT	ITT	ITT

Nota:

1. BIT : Sebahagian Institusi Terlibat
2. ITT : Institusi Tidak Terlibat
3. Institusi yang terlibat adalah PSA, PNS, PBS dan PMKL.

Justifikasi:

Sistem ini mula digunapakai pada sesi Disember 2020 dan masih di peringkat permulaan. Sasaran mengambil kira tempoh masa dan pengetahuan awal pengguna sistem.

Pada tahun 2021, hanya empat (4) Politeknik ini sahaja yang dipilih bagi memudahkan pergerakan dan pemantauan dijalankan berikutan situasi pandemik COVID-19. Tambahan pula, ia masih di peringkat permulaan yang memerlukan latihan dan pengetahuan awal penggunaan.

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus bilangan kursus adalah seperti berikut

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Bilangan kursus yang menggunakan sistem EBOS@polycc dalam penggubalan soalan peperiksaan akhir bagi program diploma Politeknik dalam tahun semasa.

Denominator: Bilangan kursus yang mempunyai peperiksaan akhir yang ditawarkan oleh Politeknik.

Dokumen Bukti:

Laporan statistik EBOS@polycc

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di JPPKK

Pegawai Bertanggungjawab :

Pegawai Penyelaras KPI BPN

Tren Pencapaian:

Tiada data tren pencapaian kerana KPI ini merupakan KPI baharu yang bermula pada tahun 2021

FREKUENSI PELAPORAN : SUKUAN

TERAS 5 : MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

Pernyataan KPI

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

Definisi Operasi:

Industri bermaksud organisasi luar selain Politeknik/Kolej Komuniti seperti sektor awam, sektor swasta, NGO, badan profesional termasuk industri/agensi dari luar negara.

Aktiviti kolaborasi industri berimpak tinggi merujuk kepada aktiviti usahasama yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti dalam tahun semasa, seperti berikut:

1. Program perkongsian ilmu oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat (pemimpin industri) yang dilantik oleh Menteri KPT melalui Program CEO@PolyCC.; atau,
2. Inisiatif menggunakan pendekatan *experiential learning*, *production based education & training*, *competency based training* atau *problem based education* dalam penghasilan produk atau pemberian perkhidmatan, seperti penubuhan *Industry Edu-Centre/WBL/Industry Centre* di dalam institusi/*Campus* dalam industri.; atau,
3. Inisiatif yang berkebolehan menjana pendapatan, seperti *Teaching Factory/Inkubator*; atau,
4. Penajaan latihan tambahan/pensijilan industri/pensijilan profesional kepada pelajar atau pensyarah, iaitu pelaksanaan latihan yang menghasilkan pensijilan industri/pensijilan profesional, di mana kos latihan ditanggung oleh industri sepenuhnya atau separuh kos dengan institusi.; atau,
5. Sumbangan atau perkongsian peralatan, iaitu sumbangan peralatan PdP/sumbangan peralatan memudahkan PdP/sumbangan peralatan umum/biasiswa/hadiah kecemerlangan pelajar/bantuan kewangan *one-oV* pelajar atau pensyarah/perkongsian peralatan PdP/perkongsian peralatan memudahkan PdP/perkongsian peralatan umum/perkongsian tempat program.; atau,
6. Latihan Industri Berstruktur, iaitu Latihan Industri (LI) pelajar yang dilaksanakan atas persetujuan bersama industri dan institusi bagi:
 - a) Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan bersama penawaran pekerjaan sebaik tamat LI; atau,
 - b) Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) sahaja kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan; atau,
 - c) Penawaran pekerjaan sahaja sebaik tamat LI.; atau,
7. Penempatan pekerjaan dengan gaji permulaan mengikut kelayakan merujuk kepada penawaran pekerjaan ke atas bakal graduan Politeknik/Kolej Komuniti dengan gaji permulaan mengikut kelayakan iaitu minima RM1,700 bagi lepasan sijil/RM2,020 bagi lepasan Diploma; (Sumber: Panduan Gaji Permulaan 200 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Kedua (2020). atau,
8. *Research & Development* (R&D) bersama industri yang melibatkan penghasilan produk/servis merujuk kepada kerjasama industri-institusi yang melibatkan R&D&I dan penghasilan produk.; atau,

9. Perlantikan Jawatankuasa Penasihat Industri (IAC) baharu, iaitu, perlantikan Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik/Kolej Komuniti yang dilantik pada tahun semasa sama ada sebagai lantikan baharu/penyambungan keahlian dan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK)

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
300	5	4	3	3	2	1

Nota:

Sasaran bagi PSS, PBU, PJK, PHT, PBT, PBD dan PTS adalah mengikut sasaran Kategori Politeknik METRO.

Justifikasi:

Sasaran adalah berdasarkan pencapaian tahun 2020 sehingga sukuan ke-3 dan pencapaian telah melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan. Optimis dengan strategi pemulihan ekonomi oleh kerajaan, sasaran pada tahun 2021 ditetapkan kembali seperti sasaran asal sebelum pandemik COVID-19.

Kaedah Pengukuran:

KPI adalah bilangan industri. Kaedah pengukuran dan sasaran tahun semasa adalah berdasarkan tren pencapaian tahun terdahulu.

Dokumen Bukti:

1. Laporan Program Kolaborasi (bagi Komponen 1 - 8)
2. Laporan Maklumat IAC dan sijil pelantikan IAC oleh Ketua Pengarah JPPKK (bagi Komponen 9)

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Unit CISEC

Kolej Komuniti: Pegawai Kolaborasi/Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni

Tren Pencapaian :

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	400	578
2019	300	449
2020	150	221**

Nota :

**Pencapaian bagi KPI tahun 2020 dikemaskini sehingga bulan Oktober 2020

FREKUENSI PELAPORAN : SUKUAN

TERAS 5 : MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

Pernyataan KPI

Bilangan penyertaan program PSH di institusi pada tahun semasa

Definisi Operasi:

Bilangan penyertaan program PSH di institusi pada tahun semasa merujuk kepada kategori program PSH iaitu Formal, Bukan Formal dan Tidak Formal.

Kategori Peserta PSH

Politeknik

Kategori	Keterangan
Industri	Penyertaan dari industri, agensi awam, agensi swasta, NGO, badan profesional dan industri/agensi luar negara.
Komuniti	Masyarakat/orang awam
Kursus Secara Sambilan (KSS)	Pelajar yang mengambil KSS
Pelajar	Pelajar sekolah dan IPTA/IPTS. Penyertaan pelajar Politeknik diambil kira sekiranya menjana pendapatan atau membayar yuran kursus PSH. Jika latihan pelajar melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/mana-mana sumber peruntukan tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.
Pensyarah/Staf	Penyertaan dari pensyarah/staf Politeknik diambil kira sekiranya menjana pendapatan atau membayar yuran kursus PSH. Jika latihan staf melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/mana-mana sumber peruntukan tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.

Kolej Komuniti:

Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia

Sasaran :

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER1	KLUSTER2	KLUSTER3
100,000	850	750	500	Sasaran penyertaan PSH bagi setiap Kolej Komunititahun2021 akandiedarkanpada Februari 2021 berdasarkan Kaedah Pengukuran ditetapkan.		

Nota:

